



Yayasan Waqaf Malaysia

SIARAN MEDIA

YWM SUMBANG WAKAF *SMART BOARD* SOKONG PELAKSANAAN MODUL MINI TAHFIZ AL-FALAH UNTUK PENGUKUHAN PENDIDIKAN AL-QURAN PERINGKAT SEKOLAH RENDAH

BANGI, 29 OKTOBER 2025 — Modul Mini Tahfiz Al-Falah telah dilancarkan hari ini oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan ia menandakan satu langkah strategik dalam memperkukuh dimensi hafazan al-Quran di peringkat sekolah rendah serta memperkasa pendidikan Islam berteraskan Al-Quran dan Sunnah.

Ini adalah sebahagian daripada inisiatif memperkasa pendidikan Islam yang seimbang dan berimpak tinggi, selaras dengan aspirasi Pelan Transformasi Al-Falah dan gagasan Malaysia MADANI. Menurut YB Menteri, Modul Mini Tahfiz Al-Falah bukan sekadar memberi tumpuan kepada hafazan semata-mata, tetapi turut menekankan aspek pemahaman, penghayatan, pengulangan dan penilaian berkala agar ayat-ayat yang dihafaz benar-benar dihayati serta diamalkan dalam kehidupan seharian.

Beliau turut menegaskan bahawa pelaksanaan modul ini menyokong teras utama Pelan Al-Falah, termasuk kesejahteraan insan dan pentadbiran Islam mampan, serta memperkukuh Kempen Kalimah Toyyibah bagi membentuk masyarakat berzikir, berilmu dan berakhlak.

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) turut menyumbangkan *smart board* melalui dana wakaf tunai yang bernilai RM12,000.00 kepada Yayasan Bangi Bandar Ilmu bagi tujuan pembelajaran Modul Mini Tahfiz Al-Falah dan pembelajaran interaktif para pelajar. Inisiatif ini bakal memberi manfaat kepada hampir 260 pelajar di Kompleks Pendidikan Islam Bangi.

Modul Mini Tahfiz Al-Falah merangkumi 41 surah dan tiga ayat pilihan, disusun berasaskan silibus Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kaedah pengajaran menggunakan pendekatan takrir (ulangan), tasmi' (semakan), muraja'ah (ulangkaji) dan tahriri (penulisan) bagi memastikan hafazan lebih kukuh dan menyeluruh.

YWM juga akan menaja para pelajar daripada keluarga B40 untuk mengikuti pembelajaran interaktif melalui platform digital iaitu Waqf Go Learning, sebagai langkah memperluas akses pendidikan berkualiti melalui instrumen wakaf kontemporari. YB Menteri menyatakan wakaf ini bukan hanya warisan, tetapi solusi moden yang menghubungkan nilai keagamaan, kemajuan teknologi dan kesejahteraan masyarakat.

Melalui sumbangan ini, semoga generasi muda akan terus dipupuk menjadi insan Qurani yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi juga berakhlak, berilmu dan berjiwa Al-Quran.

-TAMAT-

**Yayasan Waqaf Malaysia
29 Oktober 2025**

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

**Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my**

**Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media
Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my**